

**NO SOALAN :60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2018**

**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar penjimatan pihak Kerajaan menyewa kenderaan untuk kegunaan pelbagai jabatan dan syarikat Kerajaan, apakah yang diberi konsesi sewaan.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada melaksanakan **dasar penjimatan** dengan menyewa kenderaan untuk kegunaan pelbagai jabatan dan syarikat Kerajaan. Perjanjian konsensi sedia

ada adalah di bawah **dasar penswastaan** di antara Kerajaan Malaysia dengan SPANCO Sdn. Bhd. untuk membekalkan kereta saloon sebagai kereta rasmi bagi kegunaan Anggota Pentadbiran, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang layak dan Jabatan Kerajaan. Program penswastaan ini juga memperlihatkan ciri-ciri penjimatan di mana Kerajaan tidak mengeluarkan perbelanjaan modal untuk membeli kenderaan manakala pihak konsesi menawarkan perkhidmatan pengurusan bekalan serta kerja-kerja servis penyenggaraan dan pembaikan yang lebih berkualiti, cekap dan berkesan.